

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 APRIL 2016

Dr. Mahathir mungkin berdendam - Hamzah

um-20/4/2016

TAIPING 19 April - Serangan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mungkin kerana dendam atau mahu menaikkan individu tertentu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, tindakan bekas Perdana Menteri itu juga mungkin untuk kepentingan ahli keluarganya.

Menurut beliau, sehubungan itu sepatutnya isu derma RM2.6 bilion yang sering dibangkitkan oleh Dr. Mahathir sepatutnya dimuktamadkan.

Beliau berkata, ini kerana pihak yang memberi derma itu sudah membuat pengakuan tentang kesahihan sumbangan yang diberikan adalah tulen tanpa mengharapkan apa-apa balasan.

"Apa yang dilakukan selama ini menunjukkan beliau melakukannya untuk individu yang beliau hendak naikkan menjadi Presiden parti atau menjadi Perdana Menteri.

"Beliau pernah melakukan perbuatan yang sama menjatuhkan Perdana Menteri sebelum ini



dan beliau akan terus melakukan perkara yang sama," katanya dalam sidang akhbar selepas penyerahan zakat korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kepada 1,000 penerima di sini hari ini.

Menurut Hamzah, sehubungan itu ahli UMNO digesa mengamalkan konsep *tabayyun* iaitu berhati dan teliti dalam membuat kesimpulan terhadap sesuatu perkara.

Beliau berkata, konsep itu menuntut sesuatu yang belum pasti



Apa yang dilakukan selama ini menunjukkan beliau melakukannya untuk individu yang beliau hendak naikkan menjadi Presiden parti atau menjadi Perdana Menteri."

HAMZAH ZAINUDDIN
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan

kebenarannya diselidik terlebih dahulu.

"Ahli UMNO lebih memahami dan melakukan kajian setelah mengambilkira dan mendengar keputusan serta hasil penyiasat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bahawa Perdana Menteri tiada kaitan dalam isu derma RM2.6 bilion mahupun 1Malaysia Development Berhad (1MDB) 1MDB," katanya.